



KONECRANES®  
TATAKELAKUAN

# Kandungan



<b>KATA ALU-ALUAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF</b>	3
<b>MEMIMPIN JALAN</b>	4
Tujuan	5
Nilai Kita	6
Kita Semua Mempunyai Peranan untuk Dimainkan	7
<b>TANGGUNGJAWAB TERHADAP MANUSIA &amp; ALAM SEKITAR</b>	8
Hak Asasi Manusia	9
Kepelbagai, Kesaksamaan & Keterangkuman	10
Kesihatan dan Keselamatan	11
Data Pelindung dan Privasi	13
Tanggungjawab Alam Sekitar	14
<b>RAKAN KONGSI YANG DIPERCAYAI</b>	15
Antirasuah dan Antisogokan	16
Konflik Kepentingan	17
Persaingan Adil	18
Perdagangan Antarabangsa	19
Pelanggan Kita	21
Rantaian Bekalan Kita	22
<b>SYARIKAT KITA</b>	23
Penggunaan Sumber Syarikat	24
Keselamatan Siber	25
Kerahsiaan & Harta Intelek	26
Perakaunan dan Pelaporan Kewangan	27
Komunikasi Luaran	28
Maklumat Dalamans	29
Penyimpanan Rekod	30
<b>MEMINTA NASIHAT DAN MELAPORKAN KEBIMBANGAN</b>	31
Bersuara Adalah Penting	32
Cara untuk Bersuara	33

# Rakan Sejawat yang Dihormati

Pematuhan dan tingkah laku yang beretika membentuk asas kepada semua perkara yang kita lakukan. Sebagai sebuah syarikat, kita komited untuk menjalankan perniagaan kita secara berintegriti dengan standard etika yang tinggi, lebih daripada sekadar memenuhi keperluan untuk mematuhi undang-undang. Ini adalah kunci kepada prestasi dan kejayaan kita sebagai sebuah syarikat.

Aktiviti harian kita dibimbing oleh tatakelakuan kita yang menerangkan secara jelas standard dalaman dan nilai etika kita serta kewajipan undang-undang semasa kita menjalankan perniagaan kita. Saya menyeru kepada semua untuk membiasakan diri dengan tatakelakuan kita, kerana tatakelakuan ini menyokong kita untuk melakukan perkara yang betul terhadap pelanggan, pembekal dan rakan sekerja kita. Sila biasakan diri anda dengan Kod ini, memahami kandungannya dan akibat daripada ketidakpatuhan. Standard ini terpakai kepada semua pekerja, pengarah, perunding, ejen, kontraktor, subkontraktor dan unit perniagaan kita di seluruh dunia. Standard ini digunakan bersama undang-undang dan peraturan bidang kuasa tempatan di mana kita beroperasi.

Saya menggalakkan pengagihan tanggungjawab, autoriti dan akauntabiliti dalam organisasi, supaya kita tangkas dan membuat keputusan yang dekat dengan pelanggan kita. Oleh yang demikian, adalah amat penting untuk kita bekerja dengan tahap etika yang tertinggi.

Kita semua bertanggungjawab untuk melaporkan sebarang pelanggaran atau kemungkinan pelanggaran Tatakelakuan yang mungkin berlaku dengan segera. Meningkatkan kesedaran berkenaan topik ini, menjelaskan persoalan dan menyelesaikan isu adalah satu tindakan yang penting untuk Konecranes membina tempat kerja yang sihat dan organisasi global yang cemerlang.

Jika anda mempunyai sebarang persoalan, pengurus terdekat anda bersedia untuk membantu anda. Anda juga boleh menghubungi Pegawai Pematuhan & Etika Konecranes kita atau pegawai lain yang dikenal pasti dalam Kod ini. Sentiasa dapatkan bantuan apabila anda berada dalam keraguan.

**Anders Svensson**  
**Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif**



# Memimpin Jalan

TUJUAN KOD

NILAI KITA

KITA SEMUA MEMPUNYAI PERANAN

UNTUK DIMAINKAN



# Tujuan Kod

**Amalan perniagaan yang bertanggungjawab adalah penting untuk memastikan prestasi daya saing jangkamasa panjang dan keuntungan.**

Tatakelakuan Konecranes menggariskan keperluan asas dan garis panduan berkaitan dengan cara kita menjalankan perniagaan. Bersama-sama dengan dasar dan nilai syarikat kita, Kod ini membantu anda melaksanakan tugas anda secara beretika dan mematuhi undang-undang.

Nilai kita adalah prinsip asas yang membimbing kita untuk membuat keputusan, tingkah laku kita dan interaksi kita dengan pihak berkepentingan dalam dan luaran. Tatakelakuan Konecranes menetapkan peraturan asas untuk kerja kami.

Kita berusaha untuk berpegang kepada kelakuan beretika tinggi. Tatakelakuan ini menerangkan peraturan yang kita komited untuk mengekalkan terhadap pelanggan, rakan kongsi perniagaan, pembekal, subkontraktor dan pekerja kita, dan juga masyarakat dan pasaran kewangan di semua negara kita menjalankan perniagaan. Prinsip-prinsip Kod ini juga menerangkan apa yang kita harapkan daripada rantai bekalan kita, dan semua orang yang mewakili kita. Konecranes komited kepada sepuluh prinsip Global Compact Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Garis Panduan Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) untuk Perusahaan Multinasional.

Kita komited untuk mematuhi sepenuhnya undang-undang yang terpakai. Kod ini tidak bertujuan untuk menggantikan atau mengatasi undang-undang negara, sebaliknya ia perlu sentiasa dilihat sebagai keperluan dan jangkaan minimum.



# Nilai Kita

## MENGUTAMAKAN PELANGGAN

- Kita membina hubungan yang dipercayai dan memberikan penyelesaian yang berkesan setiap hari, untuk membantu pelanggan kita berjaya. Semudah itu.
- Setiap interaksi diambil kira dan setiap butiran adalah penting. Keputusan kita adalah berdasarkan keperluan pelanggan: hari ini dan esok.

## MELAKUKAN PERKARA YANG BETUL

- Membentuk perniagaan yang bertanggungjawab dan mampan bukanlah selalu mudah, dan ia memerlukan keberanian. Tetapi kita melakukannya kerana kita percaya itu adalah perkara yang betul untuk dilakukan.
- Kita berpegang pada standard etika yang paling tinggi dan bertanggungjawab terhadap tindakan kita. Kita menyediakan penyelesaian pengendalian bahan yang selamat dan terjamin, serta mendayakan dunia nyahkarbon.

## BERUSAHA UNTUK YANG LEBIH BAIK

- Kita tidak pernah berhenti bergerak, belajar dan melakukan penambahbaikan. Kita berinspirasi dan sentiasa mencari cara yang lebih baik. Inilah identiti kita.
- Menerusi kepimpinan teknologi, semangat pembaharuan dan kemahiran menyelesaikan masalah, kita mencari cara baru untuk menambahbaikkan setiap hari.

## MENANG BERSAMA

- Semuanya bermula dengan pekerja kita. Kita adalah pasukan global yang kepelbagai – semuanya menyumbang kepada kejayaan kita bersama.
- Kita lebih daripada sekadar gabungan bahagian yang berasingan – kita bekerja bersama, meraihkan kemenangan bersama, dan sentiasa menyokong antara satu sama lain.
- Kita saling mempercayai dan melakukan yang terbaik untuk pasukan.

# Kita Semua Mempunyai Peranan untuk Dimainkan

Konecranes diuruskan dengan ketelusan dan selaras dengan peraturan, garis panduan dan prinsip tadbir urus korporat yang baik berdasarkan kepada komitmen Konecranes kepada para pemegang saham, rakan kongsi, pelanggan, pembekal, pekerjanya dan masyarakat.

Tatakelakuan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Konecranes. Berdasarkan cadangan Jawatankuasa Pematuhan & Etika Konecranes, Pasukan Kepimpinan Konecranes (KLT) akan menyemak Kod ini dengan kerap dan mencadangkan perubahan ke atas Kod ini apabila perlu, untuk kelulusan Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah.

## PEKERJA

- Baca, fahami dan patuhi Tatakelakuan dan panduan lebih terperinci yang diberikan.
- Melengkapkan latihan pematuhan yang diperlukan.
- Melaporkan kebimbangan pematuhan.

## PERANAN ANDA

## PENGURUS

- Membantu pekerja untuk mematuhi Tatakelakuan.
- Memastikan pekerja melengkapkan latihan pematuhan yang diperlukan.
- Memupuk budaya berani bersuara yang sihat dan mengambil semua kebimbangan pematuhan yang dilaporkan dengan serius.
- Memaklumkan kepada Pegawai Pematuhan & Etika berkenaan kebimbangan pematuhan yang dilaporkan.
- Memimpin melalui teladan: mematuhi peraturan dan garis panduan yang ditetapkan untuk pekerja.

## PENGURUSAN

- Memastikan bahawa pematuhan dan amalan perniagaan beretika tertanam dalam cara kita bekerja.
- Ketahui bidang risiko pematuhan yang relevan yang boleh menjelaskan operasi yang berkaitan dan ambil langkah proaktif untuk mengurangkan risiko tersebut.
- Mengambil dan menaikkan pangkat pekerja yang berkongsi komitmen kita terhadap integriti.
- Memastikan semua syarikat kumpulan dan entiti lain di mana Konecranes menjalankan kawalan pengurusan mematuhi Tatakelakuan.



Setiap pekerja, pengurus, pegawai, dan pengarah Konecranes, tanpa mengira jawatan mereka dalam organisasi, dikehendaki untuk mempromosikan dan mematuhi Tatakelakuan ini.

# Tanggungjawab terhadap Manusia & Alam Sekitar

HAK ASASI MANUSIA

KEPELBAGAIAN, KESAKSAMAAN & KETERANGKUMAN

KESIHATAN DAN KESELAMATAN

DATA PERLINDUNGAN DAN PRIVASI

TANGGUNGJAWAB ALAM SEKITAR

# Hak Asasi Manusia

**Konecranes menghormati hak asasi manusia sebagaimana yang ditakrifkan dalam Rang Undang-undang Antarabangsa Hak Asasi Manusia dan Deklarasi Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) mengenai Prinsip dan Hak Asas di Tempat Kerja.**

Kita komited terhadap Prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia. Selaras dengan prinsip ini, kita menjalankan proses usaha wajar untuk mengenal pasti, mencegah, mengurangkan, menangani, dan jika perlu, memulihkan impak terhadap hak asasi manusia.

Konecranes tidak berkompromi dengan kesihatan dan keselamatan pekerjaan serta menghormati privasi pekerja. Konecranes tidak menerima diskriminasi atau penggunaan buruh kanak-kanak atau buruh paksa. Waktu bekerja dikekalkan dalam had undang-undang. Kumpulan syarikat juga tidak bertolak ansur dengan keadaan kerja yang bertentangan dengan undang-undang dan amalan antarabangsa.

Konecranes mendukung kebebasan berpersatuhan dan pengiktirafan efektif terhadap hak untuk tawar-menawar kolektif. Kita melarang sebarang tindakan campur tangan dalam kesatuan sekerja dan memberikan maklumat yang diperlukan kepada wakil kesatuan sekerja untuk tawar-menawar yang bermakna dalam konteks rundingan bona fide.

Kita mengharapkan seluruh rantaian bekalan kita menjalankan perniagaan mereka selaras dengan prinsip kita.

Anda boleh membaca lebih lanjut mengenai Kepelbagaian, Kesaksamaan, dan Keterangkuman, Privasi, serta Kesihatan dan Keselamatan kemudian dalam Kod ini.



## Sumber:

[Dasar Hak Asasi Manusia](#)

[Kerangka Buruh yang Adil](#)




Foto oleh Ryoji Iwata di Unsplash

# Kepelbagaian, Kesaksamaan & Keterangkuman

**Konecranes bertujuan untuk mewujudkan persekitaran kerja yang pelbagai dan inklusif di mana individu boleh menjadi diri sendiri, berasa dipercayai dan dihargai kerana sumbangan mereka, serta memiliki semangat kekitaan.**

Objektifnya adalah untuk memastikan semua orang berpeluang untuk berjaya, latar belakang mereka yang pelbagai dihargai, dan kekuatan perbezaan dialu-alukan dan dimanfaatkan.

Konecranes adalah majikan peluang sama rata dalam amalan pengambilan dan kenaikan pangkat, manfaat dan upah. Kita mengalu-alukan dan menyokong kepelbagaian dalam semua latar belakang dan tidak akan bertolak ansur terhadap diskriminasi ke atas mana-mana individu atas dasar, sebagai contoh, bangsa, agama, warna kulit, jantina, umur, status perkahwinan, negara asal, orientasi seksual, kewarganegaraan, pendapat politik, keahlian kesatuan sekerja, atau ketidakupayaan (sekiranya pemohon atau pekerja mampu menjalankan fungsi penting pekerjaan dengan atau tanpa penyesuaian munasabah), dalam merekrut, pengambilan pekerja, penempatan, kenaikan pangkat, pemberhentian, atau sebarang syarat pekerjaan yang lain.



- Kita tidak bertolak ansur dengan penggunaan bahasa yang bersifat diskriminasi, mahupun sebarang kenyataan, jenaka atau perlakuan lain yang mewujudkan atau memupuk persekitaran kerja yang menjelikkan atau mempunyai sikap bermusuhan.
- Konecranes dengan tegas melarang sebarang bentuk gangguan di tempat kerja, termasuk gangguan seksual. Konecranes akan mengambil tindakan segera dan sewajarnya untuk menghalang dan, jika sesuai, menghukum tingkah laku yang dianggap sebagai gangguan. Tempat kerja bermaksud mana-mana tempat di mana perniagaan atau aktiviti berkaitan pekerjaan dijalankan.
- Kita juga dengan tegas melarang sebarang kelakuan yang merupakan gangguan moral atau fizikal, atau sebarang bentuk penyalahgunaan kuasa.



**Setiap pekerja Konecranes berhak mendapat peluang yang sama dan layanan yang sama berdasarkan merit.**



**Sumber:**

[Penyata Dasar Kepelbagaian, Kesaksamaan dan Keterangkuman](#)

# Kesihatan dan Keselamatan

**Konecranes berusaha untuk menawarkan kepada pekerjaan persekitaran kerja yang menarik, sihat, dan selamat serta menyokong kesejahteraan fizikal dan mental pekerjaan.**

Kesihatan dan Keselamatan tertanam dalam Konecranes melalui penambahbaikan berterusan, pematuhan, kecemerlangan bertaraf dunia dan inisiatif yang diterajui pengurusan.

Kita membangunkan tempat kerja yang sihat, selamat dan bebas daripada bahaya untuk pekerja, subkontraktor dan mereka yang bekerja di semua bahagian organisasi kita. Kita juga berhasrat untuk mengekalkan budaya yang menggalakkan setiap orang bertanggungjawab terhadap kesihatan dan keselamatan serta mempunyai minda "Jika anda nampak, anda bertanggungjawab."

Konecranes juga menggunakan proses pembangunan dan proses pembuatan serta kaedah jaminan kualiti yang bertujuan untuk meminimumkan risiko kesihatan dan keselamatan yang berkaitan dengan penggunaan produknya dan perkhidmatannya.



**Sumber:**

[Penyata Dasar Kesihatan dan Keselamatan](#)



# Tingkah Laku Menyelamatkan Nyawa



## Sebelum memulakan sebarang tugas

Luangkan masa, berhenti dan berfikir sebelum memulakan kerja. Selesaikan semakan risiko, dan pastikan semua perlindungan dan kawalan disediakan untuk memastikan semua orang boleh melakukan kerja mereka dengan selamat.



## Memandu

Pastikan kenderaan berada dalam keadaan yang baik. Patuhi semua undang-undang lalu lintas, amalkan pemanduan defensif dan ekonomi.




## Mengangkat dan tali-temali

Mempunyai dan mengikuti pelan angkat dan/atau arahan kerja khusus. Melakukan pengangkatan dan pemasangan menggunakan peralatan yang diperakui yang anda telah dilatih untuk menggunakan. Jangan berjalan di bawah beban yang tergantung.



## Ruang terkurung

Jangan memasuki ruang terkurung kecuali jika anda mempunyai permit kerja khusus, telah dilatih, diberi kuasa untuk melakukannya, mempunyai rancangan penyelamatan sebelum tugas yang disahkan, dan ujian kualiti udara yang diperlukan telah dilakukan.



## Bekerja pada ketinggian

Gunakan platform udara untuk tujuan tersebut, periksa peralatan sebelum digunakan. Pakai perlindung jatuh, asingkan dan tandakan kawasan kerja, dan halang pergerakan kren yang bersebelahan.



## Mesin

Jauhkan tangan dan anggota badan daripada mesin yang berputar dan bahagian yang bergerak. Jangan mengendalikan peralatan yang hilang sistem saling mengunci atau pengadang yang tidak berfungsi. Jangan mengatasi peranti keselamatan, gunakan alat yang sesuai.



## Bekerja dengan tenaga

Kunci, Tag dan Cuba (LOTOTO) semua peralatan sebelum melakukan sebarang kerja. Nyahenaga, sahkan, kunci dan tag sumber tenaga dan uji sebelum mula bekerja.



## Peralatan mudah alih

Jangan mengendalikan peralatan mudah alih kecuali telah dilatih dan diperakui betul oleh unit tertentu. Sentiasa berada di jarak yang selamat daripada peralatan mudah alih yang sedang beroperasi.



## Bekerja menggunakan tangan

Jauhkan tangan dan anggota badan daripada mesin yang berputar dan bahagian yang bergerak. Jangan mengendalikan peralatan yang hilang sistem saling mengunci atau pengadang yang tidak berfungsi. Jangan mengatasi peranti keselamatan, gunakan alat yang sesuai.



## Kesihatan dan kesejahteraan

Jaga diri anda – kesihatan dan kesejahteraan anda amat penting. Dapatkan sokongan awal jika bimbang tentang kesihatan dan kesejahteraan. Jangan berjalan dengan seseorang atau sesuatu jika anda rasa bimbang. Di Konecranes kita tidak bertolak ansur dengan pembulian atau gangguan dalam apa jua bentuk.

# Data Pelindung dan Privasi

Konecranes menghormati privasi dan integriti pihak berkepentingan dan pekerjanya serta mementingkan perlindungan data dan bertujuan untuk menggunakan standard yang tinggi semasa memproses data peribadi.

Kita hanya mengumpul dan menyimpan data peribadi yang diperlukan bagi pengendalian dan aktiviti perniagaan yang efektif.

Semua data peribadi yang kita kumpul dan kendalikan mesti diproses secara adil, sah dan berhati-hati, serta dengan cara yang melindungi kerahsiaan dan hak privasi kakitangan kita dan individu lain. Semua data peribadi yang dikumpul dan diproses harus berkaitan dan terhad kepada apa yang diperlukan berkaitan dengan tujuan perniagaan tersebut. Data peribadi tidak sepatutnya disimpan lebih lama daripada yang diperlukan bagi tujuan data peribadi tersebut diproses.

Perlindungan data dalam Konecranes adalah berdasarkan dan mematuhi Peraturan Umum Perlindungan Data EU (GDPR) serta undang-undang tempatan yang berkenaan.


 **Sumber:**  
Perlindungan data intranet



## PERANAN ANDA

Jika anda bertanggungjawab untuk mengumpul, memproses, atau mengekalkan mana-mana data peribadi, atau mempunyai akses kepada data tersebut:

- Hanya kumpul dan proses data peribadi yang kita perlukan untuk tujuan perniagaan yang wajar dan telah dikenal pasti.
- Gunakan data peribadi yang dikumpul hanya untuk tujuan yang dimaksudkan dan setakat yang diperlukan untuk menjalankan tugas di tangan.
- Jangan dedahkan atau kongsi data peribadi yang melanggar undang-undang atau arahan yang berkaitan.
- Pastikan akses kepada data peribadi terhad kepada kakitangan yang mempunyai kebenaran yang sesuai dan keperluan perniagaan yang jelas bagi maklumat tersebut.



# Tanggungjawab Alam Sekitar

## Konecranes komited untuk mendayakan dunia yang dinyahkarbon dan berkitar.

Cita-cita iklim Konecranes sejajar dengan Perjanjian Paris dalam mengehadkan pemanasan global kepada 1.5°C. Kita mesti benamkan tanggungjawab alam sekitar dalam semua perkara yang kita lakukan.



- Kita fokus untuk menyediakan penyelesaian karbon rendah yang cekap untuk pelanggan kita.
- Dalam pembangunan produk, kita mempertimbangkan kebolehselenggaraan dan kebolehbaikan serta kecekapan tenaga dan pemilihan bahan secara berhati-hati dari sudut alam sekitar.
- Kita memajukan konsep kitaran dengan mengoptimumkan nilai kitaran hayat penyelesaian dan menghapuskan pembaziran di seluruh rantaian nilai.
- Dalam membuat keputusan pembelian, kita mempertimbangkan impak alam sekitar dan berusaha untuk bekerjasama dengan pembekal dan subkontraktor yang berkongsi hasrat kita berkenaan iklim.

- Kita berusaha untuk mendapatkan sumber mineral secara bertanggungjawab dan mengurangkan penggunaan bahan berbahaya.
- Kita mengikuti amalan pengurusan alam sekitar yang sistematis dalam operasi kita sendiri, memberi tumpuan kepada kecekapan tenaga dan sumber serta pengurusan kimia dan sisa, dan kami mengharapkan perkara yang sama daripada pembekal dan subkontraktor kita.



### Sumber:

[Kenyataan Dasar  
Alam Sekitar](#)  
[Tingkah laku  
Penyelamat Planet](#)

[Kenyataan Mineral  
Bertanggungjawab](#)  
[Senarai Bahan Terhad](#)



### PERANAN ANDA

- Fahami peranan anda dalam menyokong tanggungjawab alam sekitar – bertindak untuk mengurangkan kesan negatif dan memaksimumkan kesan positif.
- Masukkan pertimbangan alam sekitar dalam bidang tanggungjawab anda.
- Minimumkan sisa dan kesan alam sekitar dengan, sebagai contoh, mempertimbangkan kecekapan sumber dan berfikir dua kali sebelum membuat keputusan tentang perjalanan udara.
- Mengurus dan mengurangkan risiko alam sekitar serta mengambil tanggungjawab terhadap perkara yang anda nampak.
- Laporkan kemungkinan penyelewengan kepada pengurus anda.

# Rakan Kongsi yang Dipercayai

ANTIRASUAH DAN ANTISOGOKAN

KONFLIK KEPENTINGAN

PERSAINGAN ADIL

PERDAGANGAN ANTARABANGSA

PELANGGAN KITA

RANTAIAK BEKALAN KITA



# Antirasuah dan Antisogokan

**Konecranes komited untuk menentang rasuah dalam semua bentuk, termasuk pemerasan, penyelewengan dan sogokan.**

Anda dilarang untuk terlibat dalam sebarang amalan rasuah perniagaan, dan anda tidak boleh meminta atau menerima atau memberi atau menawarkan, sama ada secara langsung atau melalui pihak ketiga, sebarang sogokan, suapan atau pembayaran lain yang tidak wajar. Pembayaran tidak wajar merujuk kepada apa-apa nilai yang diberikan bagi tujuan untuk memperoleh atau mengekalkan manfaat perniagaan atau keuntungan peribadi yang tidak wajar.

Rasuah dilarang tanpa mengira nilai kelebihannya, hasilnya, persepsi adat tempatan, toleransi terhadap pembayaran sedemikian oleh pihak berkuasa tempatan, atau dakwaan bahawa pembayaran tersebut perlu untuk perniagaan. Pembayaran fasilitasi juga dilarang melainkan kegagalan untuk membuat pembayaran yang diminta akan menimbulkan risiko serta-merta ke atas nyawa, kesihatan atau kebebasan seseorang seperti yang dijelaskan dengan lebih terperinci dalam Dasar Antirasuah.



## Sumber:

[Dasar Antirasuah](#)

[Dasar Derma, Penajaan dan Kerjasama Pemasaran](#)

[Portal MySupport untuk Hadiah dan Hospitaliti](#)

Konecranes tidak menerima penyertaan dalam pengubahan wang haram atau menyokongnya dalam apa juga keadaan.

## Bekerja dengan perantara jualan

Operasi perniagaan Konecranes termasuk kerjasama dengan pelbagai pengantara jualan, seperti ejen jualan, pengedar, perunding dan pemegang lesen. Ia penting untuk memastikan integriti rakan kongsi sedemikian. Oleh itu, Konecranes mesti sentiasa menjalankan usaha wajar dan pemeriksaan latar belakang yang bersesuaian serta mendapatkan kelulusan dalaman yang diperlukan sebelum melibatkan rakan kongsi tersebut. Kita juga mesti memantau secara aktif kelakuan rakan kongsi.

Kita mengharapkan perantara jualan kita menjalankan perniagaan mereka mengikut standard etika yang sama seperti yang kita ikuti di Konecranes. Adalah dilarang sama sekali bagi mana-mana perantara jualan untuk melibatkan diri dalam sebarang amalan rasuah bagi pihak kami atau sebaliknya.



## PERANAN ANDA

### Berurusan dengan pegawai awam

- Berhati-hati apabila berurusan dan bekerja dengan pegawai kerajaan, kerana peraturan dan undang-undang yang lebih ketat dikenakan ke atas pegawai kerajaan termasuk syarikat milik kerajaan, contohnya berkenaan dengan hadiah dan hospitaliti serta proses tender.

### Hadiah & hospitaliti

- Pastikan bahawa sebarang penawaran atau penerimaan hadiah, hospitaliti atau ihsan perniagaan lain adalah munasabah, dibuat secara telus dan selaras dengan undang-undang yang terpakai.
- Ikuti proses pelaporan dan pra-kelulusan Konecranes setiap kali menerima atau menawarkan hadiah dan hospitaliti.
- Sentiasa pertimbangkan persepsi yang mungkin timbul berkaitan dengan hadiah atau hospitaliti pada mata orang lain.

### Sumbangan & penajaan

- Apabila membuat sumbangan atau penajaan, bertindaklah secara telus dan mengikut peraturan dan proses yang ditetapkan oleh Konecranes.
- Jangan membuat sumbangan kepada parti politik atau organisasi politik lain.

# Konflik Kepentingan

**Kita sentiasa mengharapkan agar pekerja kita bertindak untuk kepentingan terbaik Konecranes dan pihak berkepentingan Konecranes.**

Pekerja kita harus mengelakkan konflik kepentingan dan tidak menggunakan kedudukan mereka atau aset Konecranes untuk kepentingan peribadi. Pekerja kita perlu berusaha untuk mengelakkan sebarang persepsi konflik. Konflik kepentingan timbul apabila kepentingan peribadi anda mengganggu kerja anda di Konecranes atau kemampuan anda untuk membuat keputusan yang objektif bagi pihak Konecranes.



## Sumber:

[Arahan Konflik Kepentingan](#)  
[Portal Pengisytihan Konflik Kepentingan](#)  
[MySupport](#)



**Contoh situasi di mana konflik sebenar atau yang berkemungkinan berlaku boleh timbul, dan yang mungkin dilarang:**

**• Situasi Hadiah dan Hospitaliti**

Menawarkan atau menerima hadiah atau hospitaliti, yang menjelaskan atau boleh dianggap sebagai menjelaskan pertimbangan penerima untuk memihak kepada pemberi di mana ia mewujudkan kewajipan ke atas penerima dan jangkaan ke atas pemberi.

**• Situasi Orang Bersekutu**

Membeli perkhidmatan daripada pembekal atau subkontraktor yang dimiliki oleh ahli keluarga atau bekerja dalam barisan pelaporan yang sama dengan ahli keluarga.

**• Aktiviti Masa Lapang**

Menyumbang kepada atau menaja kelab sukan di mana orang yang membuat keputusan adalah ahli Lembaga Pengarah atau apabila pembuat keputusan tersebut mendapat manfaat secara langsung atau tidak langsung daripada inisiatif tersebut.

**• Peluang Perniagaan**

Memulakan perniagaan yang bersaing dengan Konecranes.

**• Kepentingan Kewangan**

Mempunyai kepentingan kewangan atau pemilikan bermanfaat dalam syarikat pembekal atau subkontraktor Konecranes.



## PERANAN ANDA

### Tanya diri anda:

- Adakah hal ini mengganggu kerja yang saya lakukan untuk Konecranes?
- Adakah saya menggunakan sumber syarikat, perhubungan atau kedudukan saya untuk kepentingan peribadi?
- Adakah perkara ini kelihatan seperti konflik kepentingan kepada orang lain?
- Adakah perkara ini bersaing dengan kepentingan Konecranes?

### Jika anda menjawab "ya" kepada mana-mana soalan ini:

- BERHENTI! Dapatkan panduan daripada Pengurus atau Pegawai Pematuhan & Etika anda, kerana anda mungkin perlu mendedahkan konflik melalui Portal Pengisytihan Konflik Kepentingan MySupport.

# Persaingan Adil

**Konecranes menyokong dan berusaha untuk persaingan yang adil dan komited untuk mematuhi sebarang undang-undang persaingan yang terpakai.**

Anda harus elakkan daripada melakukan sebarang aktiviti yang mungkin menjelaskan persaingan yang adil atau menimbulkan keimbangan undang-undang persaingan, contohnya, dengan berkongsi maklumat tentang harga, pelanggan atau pembekal, atau maklumat bukan awam yang lain dengan pesaing.



## Sumber:

[Dasar Persaingan Konecranes](#)

[Arahan Persaingan untuk](#)

[Subkontrak](#)

Foto oleh Silas Baisch di Unsplash

## PERANAN ANDA

- Kenali, ikuti dan kenal pasti pesaing anda. Mana-mana perniagaan yang boleh membuat keputusan untuk bersaing dengan kita dalam masa yang terdekat harus dianggap sebagai pesaing.
- Jangan berbincang, berkomunikasi, atau bertukar maklumat sensitif dengan mana-mana pesaing.
- Jangan bersetuju atau melakukan apa-apa dengan pesaing yang boleh dianggap sebagai menyekat persaingan.
- Disebabkan model pengedaran dwi kita, pastikan tiada pertukaran maklumat sensitif di antara saluran Beta dan Alpha, dan saluran Beta dan rakan kongsi Alpha hendaklah bersaing dengan satu sama lain sebagai pesaing bebas.
- Ikuti dan fahami kedudukan anda dalam pasaran – tanya diri anda, adakah kedudukan kita boleh dianggap sebagai dominan? Jika anda berada dalam kedudukan dominan, jangan menyalahgunakannya, sebagai contoh, dengan penetapan harga yang tidak adil atau berbentuk diskriminasi, pemberian diskaun selain daripada diskaun volum berdasarkan penjimatkan kos, atau keengganan untuk membekalkan.
- Jangan menolak untuk menjual alat ganti proprietari atau mengenakan harga yang berbeza, ataupun memberikan diskaun berbeza kepada pelanggan yang serupa.
- Jangan gunakan klausula tidak bersaing atau tidak meminta, atau mengenakan sekatan wilayah dalam mana-mana perjanjian tanpa terlebih dahulu berunding dengan Fungsi Undang-Undang Konecranes.

Tatakelakuan 18

# Perdagangan Antarabangsa


Konecranes mematuhi semua sekatan dan embargo perdagangan nasional dan antarabangsa, serta semua kawalan eksport dan import, dan undang-undang kastam yang terpakai untuk perniagaannya.

Oleh itu, Konecranes menyaring rakan niaga dan bandingkan dengan senarai sekatan dan menyemak transaksi berdasarkan keperluan daripada kawalan eksport dan peraturan kastam.



## PERANAN ANDA

- Jangan berurus niaga dengan mana-mana individu atau entiti yang berada dalam senarai sekatan yang berkaitan atau tinggal di kawasan yang disekat.
- Jangan jalankan sebarang aktiviti perniagaan yang melanggar peraturan kawalan eksport atau kastam dalam apa jua keadaan.



## Sumber:

[Arahan tentang Sekatan Dagangan dan Kawalan Eksport](#)  
[Dasar Penebatan dan Penafian](#)  
[Dasar Permatuhan Kastam](#)

# Sekatan Dagangan dan Kawalan Eksport

## PENGGUNAAN AKHIR

Sekatan/keperluan lesen untuk sesetengah penggunaan akhir yang kritis

### Contoh

- Keperluan lesen sekiranya penggunaan akhir adalah kegunaan tentera di negara yang diklasifikasi sebagai "Be-Extra-Careful" ("Lebih Berhati-hati")

## PENGGUNAAN AKHIR

Sekatan/keperluan lesen untuk perniagaan yang penggunaan akhir tersenarai dalam senarai sekatan

### Contoh

- Larangan sepenuhnya untuk menghantar produk kita ke entiti yang tersenarai dalam senarai sekatan yang berkenaan



### Sumber:

[Arahan tentang Sekatan Dagangan dan Kawalan Eksport](#)  
[Dasar Penebatan dan Penafian](#)



Bahagian penting dalam perdagangan antarabangsa adalah memastikan pematuhan terhadap sekatan perdagangan dan peraturan kawalan eksport. Untuk melakukannya, anda perlu mempertimbangkan pelbagai aspek. Selain daripada maklumat tentang produk dan negara produk itu dijual atau di hantar, penggunaan akhir dan pengguna akhir produk itu mungkin relevan.

## PRODUK

Larangan/keperluan lesen untuk item Kawalan Barang Dwi Guna yang tersenarai

### Contoh

- Penyongsang frekuensi tertentu tertakluk kepada lesen apabila dieksport

## NEGARA

Sekatan/keperluan lesen untuk perniagaan dengan sesetengah negara/kawasan tertentu

### Contoh

- Negara/ wilayah Dilarang Pergi (sehingga 2023): Afghanistan, Belarus, Crimea, Iran, Korea Utara, Rusia, Syria, wilayah bukan kawalan kerajaan Ukraine di Donetsk, Kherson, Luhansk dan Zaporizhzhia

# Pelanggan Kita

Konecranes ingin menjadi rakan kongsi yang dipercayai dan dikenali kerana integriti kita.

Urusan kita dengan pelanggan haruslah menggambarkan urusan sebenar dan berdasarkan harga kompetitif serta produk dan perkhidmatan yang unggul. Kita telah menerima pakai prosedur Kenali Pelanggan Anda (KYC) untuk membantu kami memastikan bahawa kita memahami risiko kewangan, pematuhan dan integriti yang berkaitan dengan pelanggan kita.



## PERANAN ANDA

- Layan pelanggan kita secara beretika dan adil, memastikan transaksi perniagaan kita sentiasa mematuhi undang-undang yang terpakai.
- Menolak untuk berniaga dengan atau membantu sesiapa yang terlibat dalam sebarang aktiviti yang meyalahi undang-undang yang berkaitan dengan barang Konecranes atau dengan sesiapa sahaja yang gagal lelapsi prosedur KYC kita.




Sumber:  
Dasar Kredit Konecranes



# Rantaian Bekalan Kita

**Pembekal dan subkontraktor adalah bahagian penting dan utama dalam rantaian nilai produk dan perkhidmatan Konecranes.**

Keperluan dan prinsip undang-undang dan etika yang kita ikuti berkaitan dengan pembekal dan subkontraktor dijelaskan dalam Tatakelakuan Pembekal Konecranes. Prinsip-prinsip ini sangat penting apabila memberikan kelayakan, melantik dan menjalankan perniagaan dengan pembekal.

- 
- 
- 
- 
- Kita mengharapkan supaya pembekal dan subkontraktor kita menjalankan perniagaan mereka dengan mematuhi undang-undang, beretika, hormati hak asasi manusia, dan prinsip alam sekitar yang sama tinggi seperti yang kita ikuti di Konecranes.
  - Kita mengharapkan bahawa pembekal dan subkontraktor kita menguatkuasakan syarat yang sama dalam rantaian bekalan mereka sendiri.
  - Sebelum memilih pembekal atau subkontraktor, kita menjalankan usaha wajar yang sesuai.
  - Kita memantau dan mengaudit pembekal dan subkontraktor kita, dan mengambil tindakan yang sewajarnya jika prestasi pembekal atau subkontraktor tidak mematuhi prinsip yang ditetapkan dalam Tatakelakuan Pembekal Konecranes.



**Sumber:**

Tatakelakuan Pembekal

## PERANAN ANDA

**Jika anda bertanggungjawab dalam memilih atau menguruskan pembekal atau subkontraktor:**

- Sebelum memilih pembekal atau subkontraktor, lakukan semakan latar belakang yang bersesuaian untuk memastikan pembekal tersebut memenuhi standard kita dan komited kepada prinsip undang-undang dan etika yang sama seperti Konecranes. Berhati-hati terutamanya tentang risiko yang berkaitan dengan hak asasi manusia (lihat Bahagian Hak Asasi Manusia), sogokan dan rasuah (lihat Bahagian Antirasuah dan Antisogokan), pematuhan perdagangan antarabangsa (lihat Bahagian Perdagangan Antarabangsa), dan tanggungjawab alam sekitar (lihat Bahagian Tanggungjawab Alam Sekitar).
- Pastikan semua pembelian produk dan perkhidmatan dibuat mengikut dasar dan arahan perolehan kita.
- Pantau pembekal atau subkontraktor secara berkala dan kerap memperbaharui pemeriksaan latar belakang.
- Jika anda menyedari sebarang ketidakpatuhan kepada prinsip yang ditetapkan dalam Tatakelakuan Pembekal Konecranes, ambil tindakan pembetulan segera yang efektif.

# Syarikat Kita

PENGGUNAAN SUMBER SYARIKAT

KESELAMATAN SIBER

KERAHSIAAN DAN HARTA INTELEK

PERAKAUNAN DAN PELAPORAN KEWANGAN

KOMUNIKASI LUARAN

MAKLUMAT DALAMAN

PENYIMPANAN REKOD



# Penggunaan Sumber Syarikat

**Pekerja Konecranes mesti melindungi aset syarikat dan memastikan penggunaan yang cekap hanya untuk tujuan perniagaan yang sah.**

Aset syarikat merujuk kepada harta milik Konecranes, dana, maklumat, atau harta intelek, serta peralatan yang digunakan atas dasar individu, seperti telefon bimbit dan komputer. Kecurian, kecuaian dan pembaziran mempunyai impak secara langsung kepada keuntungan Konecranes.

Kecuali apabila dibenarkan secara khusus, aset Konecranes, termasuk peralatan, bahan, sumber dan maklumat proprietari, mesti digunakan untuk tujuan perniagaan sahaja. Semua sistem IT dan data di dalamnya, termasuk tetapi tidak terhad kepada peralatan komputer, peranti mudah alih, perisian, media storan dan akaun rangkaian, adalah hak milik Konecranes.

Apabila pekerja menggunakan sumber Konecranes untuk menghantar e-mel, pesanan suara, atau mesej segera atau untuk mengakses perkhidmatan Internet, mereka bertindak sebagai wakil Konecranes. Sebarang penggunaan sumber-sumber ini yang tidak sah adalah dilarang, kerana tindakan ini boleh merosakkan reputasi Konecranes dan mendedahkan sumber-sumber dan Konecranes kepada liabiliti undang-undang.

Penggunaan e-mel secara sampingan dan sekali-sekala adalah dibenarkan. Walau bagaimanapun, mesej peribadi tidak boleh dihantar dengan niat untuk menyalahi undang-undang, tanpa kebenaran atau tidak beretika, mesej peribadi juga tidak boleh mengandungi sebarang kandungan yang menyalahi undang-undang atau melanggar hak pihak ketiga. Mesej dan fail peribadi mesti disimpan dalam folder berasingan, yang boleh dikenal pasti melalui tajuknya mengandungi mesej peribadi. Ini terpakai untuk kedua-dua mesej masuk dan keluar.



## Sumber:

[Dasar Keselamatan Siber](#)

[Standard Penggunaan Aset yang Boleh Diterima](#)



## PERANAN ANDA

- Ambil langkah untuk mengelakkan kerosakan dan kecurian atau penyalahgunaan harta Konecranes.
- Gunakan hanya perisian dan perkhidmatan yang diluluskan oleh Konecranes untuk tujuan kerja.
- Lindungi dana dan harta Konecranes seperti anda menjaga harta anda sendiri, menjaga daripada penyalahgunaan, kerugian, penipuan atau kecurian.
- Jika komputer, peranti mudah alih atau media storan luaran anda hilang atau dicuri, laporkan segera kepada Meja Bantuan IT Konecranes.
- Jangan menggunakan alamat e-mel yang dikeluarkan oleh Konecranes untuk mendaftar perkhidmatan yang tidak berkaitan dengan kerja.
- Jangan gunakan akaun e-mel peribadi (contohnya, gmail atau yahoo) untuk urusan Konecranes.
- Jika pekerjaan anda di Konecranes tamat, kembalikan semua harta kepunyaan Konecranes yang berada dalam simpanan anda. Bersetuju dengan Pengurus anda bagaimana maklumat syarikat di Konecranes OneDrive, komputer atau media storan anda dipindahkan.
- Biasakan diri anda dan patuhi dasar dan garis panduan keselamatan maklumat Konecranes.

# Keselamatan Siber

**Konecranes mematuhi keperluan pengawalseliaan dan kontrak keselamatan siber, melindungi syarikat daripada ancaman siber, dan menguruskan keselamatan siber mengikut amalan terbaik industri.**

Keselamatan Siber adalah penting bagi penyediaan penyelesaian pengendalian bahan yang selamat dan terjamin serta memastikan kemampuan kita untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan tanpa mengira insiden berkaitan siber yang mungkin memberi kesan terhadap operasi biasa kita.

Kita di Konecranes membuat keputusan berkaitan keselamatan siber setiap hari. Keputusan-keputusan keselamatan siber yang kecil dan besar ini mempengaruhi kualiti tawaran kepada pelanggan, perlindungan rahsia perdagangan Konecranes, reputasi, dan kesinambungan operasi kita.

 **Sumber:**  
[Dasar Keselamatan SiberIntranet](#)  
[Keselamatan Siber](#)



## PERANAN ANDA

- Laporkan semua kemungkinan insiden atau isu keselamatan siber kepada Meja Bantuan IT Konecranes dengan segera.
- Kerja mengikut proses Konecranes. Kawalan keselamatan adalah sebahagian daripada cara kerja kita yang dipersetujui bersama.
- Melangkau atau mengehadkan keberkesanan kawalan keselamatan Konecranes adalah dilarang.
- Mengambil bahagian dalam latihan keselamatan siber yang berkaitan dengan peranan dan tanggungjawab anda.
- Sentiasa kemas kini perisian anda. Muat turun aplikasi hanya dari pusat perisian Konecranes atau melalui Meja Bantuan IT Konecranes.
- Memberi akses tanpa kebenaran ke fasiliti Konecranes, sistem IT, komputer atau peranti mudah alih kepada individu lain, sama ada secara sengaja atau kerana kecuaian, adalah dilarang.
- Laporkan semua kemungkinan orang yang tidak dibenarkan di fasiliti Konecranes mengikut amalan tempatan. Jika laman anda menggunakan Lencana ID Konecranes, pastikan ia kelihatan.
- Pemerolehan mana-mana sistem atau perkhidmatan IT (termasuk perkhidmatan berdasarkan awan) mesti dijalankan mengikut proses Perolehan Konecranes (lihat Bahagian Rantaian Bekalan Kita).
- Biasakan diri anda dan patuhi dasar, standard dan garis panduan keselamatan maklumat Konecranes.

# Kerahsiaan dan Harta Intelek

**Maklumat sulit tentang Konecranes dan rakan kongsinya, pelanggan, pembekal, subkontraktor dan pekerja mesti dirahsiakan dan dilindungi daripada akses tanpa kebenaran.**

Rahsia perdagangan kita adalah penting untuk kejayaan masa depan kita, dan penjagaan khas mesti diberikan untuk melindungi kerahsiaannya. Rahsia perdagangan merangkumi, sebagai contoh, maklumat yang sensitif dari segi komersial berkaitan dengan pelanggan dan pembekal, dan maklumat yang berkaitan dengan penyelidikan dan pembangunan, pengabungan dan pengambilalihan, serta projek dalaman.

Rakan kongsi perniagaan kita mungkin berkongsi maklumat sulit dengan kita. Penting bagi kita untuk memastikan bahawa kita mematuhi komitmen kerahsiaan yang telah dibuat terhadap rakan kongsi perniagaan kita.

Kita memastikan bahawa kita mempunyai hak milik intelek yang diperlukan untuk menjalankan perniagaan kita. Kita melindungi hak harta intelek kita, dan jika perlu, mengambil tindakan untuk mempertahankan hak kita.



## Sumber:

[Standard Pengelasan Maklumat](#)

[Dasar Paten](#)

[Dasar Tanda Dagangan](#)

[Dasar Domain](#)


[Standard NDA](#)



## PERANAN ANDA

- Ikuti dasar dan arahan Konecranes apabila menggunakan atau mendedahkan maklumat sulit.
- Pastikan bahawa aku janji kerahsiaan yang sesuai disertakan dalam perjanjian yang berkaitan dengan rakan kongsi perniagaan kita.
- Klasifikasikan maklumat Konecranes kepada Awam, Dalaman, Sulit dan Rahsia, dan mematuhi garis panduan yang berkaitan untuk perkongsian dan akses maklumat.
- Jangan gunakan maklumat sulit yang anda ketahui kerana ia adalah sebahagian daripada kerja anda untuk manfaat peribadi atau mendedahkan maklumat sulit kepada mana-mana pihak yang tidak dibenarkan.
- Jangan gunakan harta intelek orang lain tanpa kebenaran.
- Jangan berikan hak harta intelek kita tanpa kebenaran.
- Ambil langkah-langkah yang perlu diikuti untuk keperluan kerahsiaan yang telah dipersetujui dengan rakan kongsi perniagaan kita.





# Perakaunan dan Pelaporan Kewangan

**Konecranes mesti merekodkan aktiviti kewangannya selaras dengan semua undang-undang dan amalan perakaunan yang terpakai.**

Konecranes mempunyai prinsip dan definisi perakaunan yang seragam dan diterima umum yang diikuti dalam perakaunan dan pelaporan kewangan oleh semua unit. Penyata kewangan kumpulan disatukan mengikut piawaian IFRS manakala penyata kewangan tempatan mengikut prinsip perakaunan tempatan.

Sebarang maklumat kewangan awam mengenai Konecranes mesti membentangkan keadaan kewangan yang lengkap, tepat dan boleh dipercayai pada tarikh atau tempoh yang relevan, yang telah disediakan dalam jangka masa yang berkenaan.

Konecranes menyediakan maklumat mengenai status kewangan dan prestasinya kepada pihak berkepentingan secara serentak, dengan kandungan yang sama, secara telus dan terbuka, tanpa keutamaan atau memihak kepada mana-mana kumpulan ataupun individu, dan dengan mematuhi undang-undang, peraturan bursa saham, dan amalan yang diterima dalam pasaran sekuriti.

Konecranes mematuhi tempoh senyap sebelum penyiaran penyata kewangan dan laporan interim bermula pada penghujung suku tahun yang berkenaan. Pada tempoh ini, wakil-wakil Konecranes tidak memberikan komen mengenai kedudukan kewangan Konecranes.

 **Sumber:**  
Manual Pengawal



## PERANAN ANDA

- Pastikan semua urus niaga dibenarkan, dan direkodkan dengan tepat dan lengkap. Mencipta entri, rekod atau dokumentasi palsu atau mengelirukan adalah dilarang sama sekali.
- Jangan sesekali membuat laporan palsu atau mengelirukan atau membuat pembayaran atau mewujudkan akaun bagi pihak Konecranes jika anda mengetahui bahawa mana-mana bahagian pembayaran atau akaun akan digunakan untuk tujuan selain daripada yang diterangkan dalam dokumen sokongan.
- Jika anda mendapati sebarang pemalsuan perakaunan Konecranes atau dokumentasi sokongan yang berkaitan, laporkannya dengan segera. Menyembunyikan maklumat daripada pihak pengurusan atau daripada juruaudit dalaman atau luaran boleh menyebabkan kerugian yang serius kepada Konecranes.
- Jangan gunakan maklumat sulit yang anda peroleh daripada sebahagian kerja anda untuk keuntungan peribadi atau mendedahkan maklumat sulit kepada mana-mana pihak yang tidak dibenarkan.

# Komunikasi Luaran

**Komunikasi Luaran Konecranes memastikan bahawa semua pihak berkepentingan yang berkaitan sentiasa dimaklumkan tentang Konecranes dengan cara yang tepat pada masanya melalui pelbagai saluran dan media, menyokong matlamat dan strategi kita yang lebih luas serta melindungi jenama dan reputasi kita.**

Hanya jurucakap rasmi Konecranes atau pekerja yang secara khusus diberi kuasa oleh CEO atau CFO boleh berbicara dengan wakil-wakil media, juruanalisis kewangan, ahli-ahli komuniti kewangan lain, pemegang saham, atau kumpulan atau organisasi lain mengenai perniagaan Konecranes.

Informasi yang diberikan kepada media dan/atau disebarluaskan secara terbuka mestilah bermaklumat dan benar. Sebarang maklumat awam yang dihasilkan dan disampaikan oleh Konecranes harus mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan serta garis panduan dan dasar komunikasi jenama Konecranes. Ini juga terpakai kepada semua kandungan dan bahan pemasaran, serta media sosial.

Di media sosial, pekerja Konecranes adalah duta syarikat dan jenama yang paling berkesan, dan penyertaan anda membantu syarikat membina dan mengurus reputasi dalam talian dan kehadiran digital yang kukuh.



## Sumber:

[Garis Panduan Komunikasi Luaran](#)

[Garis Panduan Media Sosial](#)



## PERANAN ANDA

- Rujuk sebarang permintaan untuk maklumat kewangan Konecranes daripada komuniti kewangan atau pemegang saham kepada Naib Presiden, perhubungan Pelabur.
- Rujuk sebarang permintaan untuk maklumat kewangan atau maklumat lain tentang Konecranes daripada media atau orang awam kepada Naib Presiden, Jenama dan Komunikasi, atau Ketua Komunikasi Luaran.
- Ingat bahawa apabila mewakili Konecranes di media sosial, anda mesti bertindak mengikut Tatakelakuan kita, walaupun anda menggunakan akaun peribadi.

# Maklumat Dalaman

Konecranes menghormati dan mematuhi undang-undang sekuriti yang berkaitan dan memastikan maklumat dalaman selamat dan dilindungi.

Maklumat dalaman adalah apa-apa maklumat yang ditakrifkan dengan tepat, yang tidak didedahkan kepada umum, berkaitan secara langsung atau tidak langsung, kepada Konecranes atau mana-mana pengeluar lain instrumen kewangan atau instrumen kewangan yang didagangkan secara terbuka (termasuk saham) yang diterbitkan oleh Konecranes atau penerbit lain, dan akan , jika didedahkan kepada umum, berkemungkinan mempunyai kesan ketara ke atas harga instrumen kewangan tersebut atau ke atas harga instrumen kewangan derivatif berkaitan. Kesan maklumat dalaman terhadap harga sekuriti atau instrumen kewangan lain boleh menjadi positif atau negatif.

Semasa menjalankan kerja mereka, pekerja kita mungkin menyedari maklumat dalaman atau maklumat sulit yang bukan awam tentang Konecranes, pembekal, subkontraktor, pelanggan atau rakan niaga kita yang lain.



**Sumber:**

Peraturan Dalaman Konecranes Plc



## PERANAN ANDA

- Jika anda mempunyai maklumat dalaman atau bahan bukan awam yang berkenaan dengan atau berkaitan dengan Konecranes, anda dilarang membeli atau menjual instrumen kewangan Konecranes (contohnya saham), sekuriti lain, atau derivatif yang berkaitan.
- Jika anda memperolehi maklumat dalaman atau maklumat bukan awam mengenai syarikat lain, larangan perdagangan yang sama dikenakan.
- Anda dilarang untuk "memberi tip", atau menyampaikan maklumat dalaman kepada seseorang yang mungkin membeli atau menjual sekuriti atau mengesyorkan agar mereka membeli atau menjual sekuriti berdasarkan maklumat tersebut.
- Anda juga dilarang untuk mendedahkan maklumat dalaman, kecuali jika pendedahan itu dibenarkan di bawah undang-undang yang berkenaan.

# Penyimpanan Rekod

Semua rekod mesti disimpan, sekurang-kurangnya atau maksimum, untuk tempoh masa yang diperlukan oleh undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Rekod yang penting untuk perniagaan Konecranes, termasuk tetapi tidak terhad kepada rekod korporat, mesti dikenal pasti dan disimpan di lokasi yang selamat di premis Konecranes atau dalam sistem/pangkalan data yang diluluskan oleh Konecranes.



## PERANAN ANDA

- Jika anda dimaklumkan oleh Fungsi Undang-undang Konecranes tentang sepina atau litigasi atau penyiasatan kerajaan yang belum selesai atau ancaman litigasi, dan diarahkan untuk menggantung pemusnahan rekod yang berkaitan dengan sepina, litigasi atau penyiasatan tersebut, anda mesti menyimpan dan mengekalkan SEMUA rekod yang mungkin relevan dengan sepina, litigasi atau penyiasatan sehingga anda dinasihatkan oleh Fungsi Undang-undang bahawa rekod sedemikian tidak diperlukan lagi.



# Meminta nasihat dan melaporkan kebimbangan

BERSUARA ADALAH PENTING  
CARA UNTUK BERSUARA?

KONECRANES®

# Bersuara Adalah Penting

## Apabila anda mempunyai soalan atau kebimbangan, hubungi seseorang.

Kita mempunyai beberapa saluran untuk menyuarakan kebimbangan dan bertanya soalan. Anda disokong dalam membuat keputusan yang tepat dan menegur berkenaan sesuatu.

Pasukan Pematuhan & Etika Konecranes bertanggungjawab untuk penyiasatan dalaman berkaitan dengan pelanggaran pematuhan, dan mereka mesti dimaklumkan tentang pelanggaran yang disyaki. Semua penyiasatan mesti dijalankan secara sulit mengikut prinsip dan dasar penyiasatan kumpulan.

Penemuan penyiasatan dilaporkan secara berkala kepada Jawatankuasa Pematuhan & Etika Konecranes dan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Konecranes.

Pekerja yang melanggar undang-undang, Tatakelakuan ini atau dasar syarikat yang lain akan tertakluk kepada tindakan tatatertib, yang mungkin termasuk penamatian pekerjaan mengikut undang-undang yang berkenaan.



### Sumber:

[Arahan Pemberi Maklumat](#)

[Portal Bersuara dalam Intranet](#)

[Saluran Pemberi Maklumat](#)



### PERANAN ANDA

- Jika anda mempunyai soalan atau kebimbangan, hubungi pengurus terdekat anda atau ahli pengurusan tempatan yang lain.
- Anda juga boleh menghubungi wakil HR kita atau Fungsi Undang-undang, atau mana-mana Pegawai Pematuhan & Etika kita, sama ada secara langsung ([e-mel compliance@konecranes.com](mailto:compliance@konecranes.com)) atau dengan menggunakan saluran Pemberi Maklumat sulit Konecranes.



“ Kita mempunyai dasar yang jelas berkenaan tiada tindakan balas: Konecranes tidak akan bertolak ansur dengan sebarang bentuk tindakan balas terhadap orang yang melaporkan kebimbangan dengan niat yang baik.

# Cara untuk Bersuara?



Sumber:

[Arahan Pemberi Maklumat](#)

[Portal Bersuara dalam Intranet](#)

[Saluran Pemberi Maklumat](#)

## BERCAKAP DENGAN PENGURUS ANDA

Biasanya cara yang paling pantas dan paling berkesan untuk menyelesaikan sesuatu perkara

## BERBICARA DENGAN HR, PERUNDANGAN ATAU PENGURUSAN TEMPATAN ANDA

Pasukan tempatan anda sedia membantu

## HUBUNGI PASUKAN PEMATUHAN & ETIKA

Hubungi Pegawai Pematuhan & Etika secara langsung atau melalui Saluran Pemberi Maklumat kumpulan kita

## SALURAN PEMBERI MAKLUMAT

- Sulit
- Pelaporan tanpa nama boleh dilakukan jika dibenarkan oleh undang-undang tempatan
- Lebih banyak maklumat tersedia di Portal Bersuara di Intranet dan [compliance@konecranes.com](mailto:compliance@konecranes.com)

<https://report.whistleb.com/en/Konecranes>

